

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
KAWASAN : KALABAKAN
TARIKH : 25 MEI 2016, RABU

SOALAN:

YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa jalan-jalan dari Tawau hinggalah ke Kalabakan banyak cerun-cerun yang sudah begitu lama tidak diperbaiki. Bilakah cerun-cerun ini akan diperkukuhkan dengan sertamerta.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai keadaan cerun-cerun yang terdapat di sepanjang jalan dari Tawau ke Kalabakan, Sabah.

Bagi tujuan keselamatan pengguna, tahap risiko cerun di laluan tersebut sentiasa dipantau daripada semasa ke semasa oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah. Manakala kerja-kerja pembaikan cerun telah, sedang dan akan dibuat mengikut senarai keutamaan kritikal. Sebagai contoh dalam Rolling Plan Pertama (2016-2017) RMKe-11 ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM26.1 juta untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun melibatkan sektor laluan Jalan Merotai ke Kalabakan.

Untuk jangka panjang pula, laluan Tawau – Kalabakan – Keningau – Kumanis akan dinaik taraf oleh Kerajaan sebagai sebahagian skop Lebuhraya Pan Borneo Sabah (fasa 3).

Sekian. Terima kasih.